

15/15832 (66)

	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

**PERBADANAN PUTRAJAYA MEMPERKENALKAN 6 LOKASI KHUSUS
AKTIVITI IBADAH KORBAN**

PUTRAJAYA, 21 JULAI 2020 – Perbadanan Putrajaya julung kalinya menyediakan enam lokasi khusus bagi aktiviti ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha pada akhir bulan Julai ini.

Penyediaan lokasi tapak-tapak ini merupakan inisiatif prihatin Perbadanan Putrajaya (PPj) membantu warga Putrajaya di dalam pengurusan aktiviti ibadah korban norma baharu di Putrajaya semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan masa akan datang. Di samping itu, kaedah yang disediakan ini membolehkan PPj mengawal sebarang penularan dan jangkitan Covid-19, pencemaran alam sekitar, membendung kerosakan ke atas struktur dan landskap di Putrajaya.

Antara enam (6) lokasi yang telah ditetapkan adalah di Presint 5, Presint 7, Presint 9, Presint 11, Presint 14 dan Presint 18. Lokasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kesesuaian untuk menjadi tempat simpanan sementara hairwan korban, tapak penyembelihan dan mudah bagi pengurusan sisa pepejal dan cecair haiwan. Selain daripada 6 lokasi ini, dibenarkan juga aktiviti ibadah korban dijalankan di masjid-masjid dan surau-sarau.

Aktiviti ibadah korban perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh MKN dalam tempoh PKPP serta Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban Bil 2 Tahun 2013 yang dikeluarkan oleh pihak JAWI dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban Bil 1 Tahun 2013 keluaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bagi 6 lokasi khusus yang disediakan oleh PPj, permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian dengan mengimbas QR Code di laman web www.ppj.gov.my dan di media sosial PPj. Borang juga boleh didapati di Bahagian Kesihatan Persekitaran, Jabatan Perkhidmatan Bandar PPj.

Pertanyaan berhubung permohonan boleh menghubungi pegawai di Perbadanan Putrajaya iaitu Pn Nurul Diana dan Pn Noraliza di talian 03-8000 8000 no ext 8705 / 8034. Untuk permohonan aktiviti ibadah korban di masjid-masjid dan surau-sarau boleh hubungi Ustaz Hasli Bin Othman, Penolong Pengarah Kanan Pengurusan Masjid JAWI Putrajaya di talian 012-907 2304.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 20 Julai 2020



Kaedah Aktiviti Ibadah Korban di Putrajaya

MAKLUMAT PENTING

PERLU KELULUSAN PERBADANAN PUTRAJAYA

- Lokasi Penyimpanan Haiwan Korban
- Lokasi Penjualan Haiwan Korban
- Lokasi Pelupusan Sisa Korban

IMBAS UNTUK BORANG ONLINE



LANGKAH
01

ISI BORANG & HANTAR

Permohonan boleh dibuat secara :

ONLINE :- Imbas QR atau Klik Pautan yang disediakan

MANUAL :- Ambil borang di Bhg. Kesihatan
Perbadanan Putrajaya atau
email ke ibkorban@ppj.gov.my

Pemohon akan dihubungi oleh pihak PPj,
selewat-lewatnya 24 jam.

LANGKAH
02



LANGKAH
03

Kelulusan akan mengambil masa selewat -
lewatnya 48 jam.

Pn. Nurul Diana Muhammad Shaharudin
Pn. Noraliza Abdul Hamid
ibkorban@ppj.gov.my
03-8000 8000 PERBADANAN PUTRAJAYA
EXT : 8075 & 8034

SEBARANG
PERTANYAAN
HUBUNGI

**TARIKH TUTUP
PERMOHONAN
28/7/2020**

BAHAGIAN KESIHATAN PERSEKITARAN
JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR
PERBADANAN PUTRAJAYA